

11/07/2001

3-R kembali ke TV3, Astro

Hardi Effendi Yaacob

BERTEPATAN dengan mottonya - Respek, Relaks & Respon, 3-R adalah sebuah program televisyen yang cukup inovatif bagi golongan wanita muda di negara, khususnya dalam lingkungan usia 17 hingga 25 tahun.

Ia secara tidak langsung membuatkan Mosaique Communications dan Red Communications meneruskan proses penerbitan 3-R bagi musim ketiganya yang mula disiarkan 8 Julai lalu.

Penerbit Eksekutifnya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata ia sebagai susulan terhadap kejayaan musim pertama dan kedua program televisyen berkenaan sebelum ini.

"Dari maklum balas yang kami terima, penonton berpendapat isu dan topik yang dipaparkan menerusi 3-R cukup relevan, selain bersesuaian dengan keadaan semasa.

"Malah, kebanyakannya menganggap program televisyen ini cukup berguna untuk menyalurkan pelbagai maklumat," katanya.

Siaran 3-R masih mengekalkan tiga pengacara handalannya, Azah Yazmin Yusof, Rafidah Abdullah dan Low Ngai Yuen bagi musim ketiganya seperti dua musimnya sebelum ini.

"Sebagai pembuka tirai musim ketiganya ini, Azah dan rakan setugasnya akan menggunakan pelbagai cara bagi mencari 'jejak idaman' masing-masing dan kesudahannya memang menarik.

"Kali ini, mereka juga akan bertemu dengan beberapa feminis lelaki, berlawan memasak dengan personaliti lelaki berkenaan sambil membincangkan isu gender.

"Malah, mereka akan bertembual dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mencungkil pelbagai kisah peribadinya," kata Marina.

Marina berkata, kali ini, 3-R bukan saja akan mendalami pelbagai isu semasa, sebaliknya, ia akan turut memaparkan beberapa segmen mengenai aktiviti golongan wanita muda.

"Tidak ketinggalan juga paparan profil beberapa tokoh wanita dalam pelbagai bidang dan pengetahuan asas teknologi maklumat," kata Marina.

Rancangan televisyen yang lebih berbentuk majalah itu mula disiarkan kepada umum sepanjang Julai 2000 hingga Februari 2001, yang membabitkan 26 episod secara keseluruhannya.

3-R disiarkan setiap Ahad, bermula jam 7 malam oleh TV3, manakala Astro Ria menyiarkannya pada setiap Jumaat dan Ahad, jam 7 malam serta 1 petang.

Bagi musim ketiganya kali ini, Mosaique Communications dan Red Communications selaku syarikat penerbitannya berjaya mendapatkan tajaan sektor korporat membabitkan Southern Bank Berhad, Telekom Malaysia serta Kimberly-Clark.

Lina Tan selaku Penerbit 3-R pula berkata, pihaknya berjaya menganjurkan satu bengkel seni mempertahankan diri tahun lalu, dan ia mendapat sambutan menggalakkan di kalangan orang ramai, terutama ahli 3-R.

"Penganjuran kegiatan luar sebegini mendatangkan banyak faedah kepada kami. Antara lain, ia membolehkan kami bertemu dengan orang ramai, terutama penonton setia 3-R, seterusnya mendengar segala pandangan mereka.

"Ia sekali gus dapat membantu kami mencari pelbagai topik menarik untuk dipaparkan dalam 3-R kali ini," katanya.

(END)